

Nagamah a/p Subramaniam lwn Ponnusamy a/l Rajoo

A

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — GUAMAN SIVIL NO 22–242
TAHUN 2002
MOHD AZMAN HUSIN H
27 AUGUST 2006

B

*Undang-Undang Keluarga — Perkahwinan — Mungkir perjanjian untuk
berkahwin — Sama ada wujudnya perjanjian untuk berkahwin — Sama ada
defendan memungkiri perjanjian untuk berkahwin*

C

Plaintif di dalam kes ini menuntut daripada defendan ganti rugi am, ganti
rugi khas, faedah dan kos kerana defendan memungkiri janji berkahwin
dengannya. Plaintif dan defendan telah berkenalan pada sekitar tahun 1997
dan hubungan di antara mereka telah menjadi semakin rapat. Pada sekitar
bulan April 1998, defendan telah memberitahu plaintif bahawa defendan
mencintai plaintif dan plaintif telah menerimanya dengan senang hati kerana
plaintif juga mencintai defendan. Defendan telah menaburkan janji-janji
yang manis kepada plaintif bahawa defendan akan mengahwini plaintif
apabila perniagaannya maju dan selepas abang ketiga defendan berkahwin.
Plaintif yang benar-benar cinta dan mempercayai defendan yang akan
mengahwininya telah melakukan hubungan seks beberapa kali dengan
defendan secara rela dan ada ketikanya atas paksaan defendan di beberapa
tempat yang berasingan. Walau bagaimanapun, defendan mula menjauhi dan
mengelakkan diri daripada plaintif setelah plaintif meminta defendan
mengahwininya. Plaintif melalui seorang kawan, telah mengetahui bahawa
defendan akan ditunangkan dengan seseorang yang lain. Bertindak atas
maklumat tersebut plaintif telah menemui tunang defendan untuk
mendapatkan cerita sebenar. Pada hari berikutnya, defendan telah datang ke
pejabat plaintif dan telah menampar plaintif di hadapan rakan sepejabatnya.
Oleh yang demikian plaintif telah membuat laporan polis berkenaan dengan
kejadian tersebut. Isu-isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah di akhir kes
adalah: (1) adakah defendan berjanji untuk mengahwini plaintif; (2) jika isu
pertama adalah positif, adakah defendan memungkiri janji tersebut; (3) jika
isu kedua positif, adakah plaintif mengalami kesusahan, kerugian, hilang
maruah dan malu; dan (4) jika isu ketiga adalah positif, apakah award yang
munasabah patut diberikan kepada plaintif.

D

E

F

G

H

I

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif dengan kos:

- (1) Atas fakta, mahkamah lebih mempercayai keterangan plaintif

- A berbanding dengan keterangan defendan berdasarkan maksim *ei qui affirmat non ei quo negat in ambit probatia* (the burden of proving of fact rests on the party who substantially asserts the affirmative of the issue and not upon the party who denies it). Oleh itu, atas imbalan kebarangkalian plaintif berjaya membuktikan tuntutananya (lihat perenggan 17).
- B
- (2) Defendan berjanji untuk berkahwin dengan plaintif yang mudah terpedaya dengan janji manis tersebut sehingga sanggup menyerahkan tubuhnya kepada defendan demi cintanya kepada defendan. Plaintif tidak akan melakukannya jika defendan tidak membuat janji tersebut. Tindakan defendan melarikan diri daripada plaintif selepas plaintif meminta defendan mengahwininya menunjukkan wujudnya janji untuk berkahwin dengan plaintif. Oleh yang demikian plaintif mengalami kerugian, kesusahan malu dan hilang maruah diri akibat kemungkiran tersebut (lihat perenggan 18, 21–24); *Doris Rodrigues v Bela Krishnan* [1982] 2 MLJ 77 diikuti.
- C
- D

[English summary]

- E The plaintiff in this case claimed against the defendant for general damages, special damages, interests and costs as the defendant had breached a promise to marry her. The plaintiff and defendant first knew each other since 1997 and their relationship became more intimate. On or about April 1998, the
- F defendant told the plaintiff that he was in love with her and the plaintiff was happy to hear it as she was herself in love with him. The defendant made sweet promises to the plaintiff that he would marry her when his business prospered and after his elder brother marries. The plaintiff who was truly in love and trusted that the defendant would marry her had several times
- G voluntarily had sexual relationship intercourse with the defendant and on occasions forced by the defendant, at several different locations. However, the defendant started to distant and avoid the plaintiff after she had asked the defendant to marry her. The plaintiff, through a friend, became aware that the defendant was engaged to be married to someone else. Based on this
- H information, the plaintiff met the defendant's fiancée to find out the truth. The next day after, the defendant came to the plaintiff's office and slapped the plaintiff in front of her colleagues. As a result the plaintiff made a police report on the incident. The issues to be decided by the court at the conclusion
- I of the case were: (1) whether the defendant had promised to marry the plaintiff; (2) if the first issue was positive, whether the defendant breached the said promise; (3) if the second issue was positive, whether the plaintiff had suffered agony, loss, loss of honour and humiliation; and (4) if the third issue was positive, what would be the reasonable award to be given to the plaintiff.

Held, allowing the plaintiffs' claim with costs:

- (1) Based on the fact, the court was more inclined to believe the plaintiff's evidence than the defendant's evidence based on the maxim *ei qui affirmat non ei quo negat in ambit probatia* (the burden of proving of fact rests on the party who substantially asserts the affirmative of the issue and not upon the party who denies it). Therefore on the balance of probability the plaintiff had successfully proved her claim (see para 17).
- (2) The defendant in promising to marry the plaintiff had easily duped the plaintiff with sweet promises until she was willing to sleep with him as she was in love with the defendant. The plaintiff would not have done such things if the defendant had not made such a promise. The defendant's act in running away from the plaintiff after the plaintiff asked the defendant to marry her showed the existence of a promise to marry her. As a result, the plaintiff suffered loss, agony, loss of honour and humiliation as a result of the breach (see paras 18, 21–24); *Doris Rodrigues v Bela Krishnan* [1982] 2 MLJ 77 followed.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai mungkir perjanjian untuk berkahwin, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 3439–3440.

Kes-kes yang dirujuk

Doris Rodrigues v Bela Krishnan [1982] 2 MLJ 77 (diikut)
Oh Thevesa v Sia Hok Chai [1992] 1 MLJ 215 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

S Muthuveeran (S Muthu & Co) bagi pihak plaintif.
Abdul Malik Mat Judi (Kas & Abdul Malik) bagi pihak defendan.

Mohd Azman Husin H:

PENGHAKIMAN

[1] Dalam kes ini plaintif menuntut terhadap defendan ganti rugi am, ganti rugi khas, faedah dan kos kerana defendan mungkir janji berkahwin dengannya.

KES PLAINTIF

[2] Plaintif memanggil dua orang saksi:

- (1) SP 1 — Cik Nagamah a/p Subramaniam — plaintif; dan

A (2) SP2 — Encik Chua Kay Joo seorang peguam bekas majikan plaintif.

[3] Menurut kes plaintif, pada tahun 1997, dia bekerja di firma guaman Tetuan Chia Kay Joo di Jalan Sekolah, Teluk Intan sebagai kerani akaun. Pada tahun 1997 dia berkenalan dengan defendan Encik Ponnusamy a/l Rajoo (Mr Sam). Pada tahun itu plaintif membuat rombongan melawat Thailand. Dia mencari 10 orang peserta untuk membolehkannya mendapat tambang, makan dan penginapan percuma. Kawannya Cik Jamilah seorang pelatih dalam kamar (bakal peguam) ketika itu yang berlatih di firma Tetuan Yaakob & Rakan-Rakan memperkenalkan plaintif kepada defendan yang bekerja di firma yang sama. Defendan bersetuju menyertai rombongan ke Thailand itu. Defendan membuat bayaran, memberi butir-butir peribadi dan salinan kad pengenalannya kepada plaintif. Tiga hari sebelum rombongan berlepas ke Thailand, defendan memaklumkan plaintif bahawa dia tidak dapat pergi kerana ada hal penting. Pada masa itu plaintif dapat berkenalan dengan defendan dengan secara lebih rapat. Selepas balik dari Thailand, defendan mula bekerja dengan Tetuan Yaakob & Rakan-Rakan. Defendan mula belajar dan bertanya plaintif mengenai kerja-kerja akaun. Pada waktu malam plaintif juga selalu pergi ke pejabat defendan mengajar defendan mengenai kerja-kerja akaun atas jemputan defendan.

[4] Pada bulan April 1998, defendan memberitahu plaintif bahawa dia cintakan (sukakan) plaintif. Sebelum dari tarikh itu, defendan telah berjumpa plaintif secara peribadi lebih daripada lima kali. Manakala perhubungan mereka melalui telefon banyak kali. Bila defendan memberitahu sedemikian, plaintif menerimanya dengan senang hati kerana plaintif juga cinta dan sukakan defendan. Defendan berjanji untuk berkahwin dengan plaintif. Kemudian defendan mengajak plaintif tidur di rumahnya ketika ibu defendan tiada di rumah. Defendan telah menaburkan janji-janji yang manis kepada plaintif dia akan berkahwin dengan plaintif bila bisnesnya bagus dan selepas abang ketiganya berkahwin. Kemudian defendan dan plaintif mengadakan hubungan seks kerana plaintif betul-betul cinta dan percayakan bahawa defendan akan berkahwin dengannya. Di rumah defendan, mereka berdua mengadakan hubungan seks lebih daripada 10 kali. Ada ketika hubungan seks diadakan atas paksaan defendan. Defendan dan plaintif juga mengadakan hubungan seks di beberapa tempat yang lain seperti di Ipoh, Sitiawan dan di Rest House, Teluk Intan.

[5] Pada bulan Julai 2001, plaintif meminta defendan berkahwin kerana plaintif tidak lagi larat dengan hubungan yang telah berlaku, kesihatannya terjejas, hubungan mereka telah lama, plaintif terpaksa berbohong dengan ibunya untuk keluar bersama defendan dan umurnya telah meningkat.

[6] Selepas plaintif meminta defendan untuk berkahwin dengannya, defendan mula menjauhi daripada plaintif dan juga mengelakkan diri daripada plaintif. Defendan tidak menjawab panggilan telefon yang dibuat oleh plaintif. Defendan juga enggan keluar dengan plaintif. A

[7] Pada bulan Julai 2002, seorang kawan plaintif bertanyakan plaintif sama ada plaintif ada masalah dengan defendan? Plaintif jawab tidak. Seterusnya kawan itu bertanya kenapa defendan hendak bertunang dengan orang lain? Orang lain itu ialah Cik Indra, seorang pengurus pusat komputer di Teluk Intan. Atas maklumat itu, plaintif pergi berjumpa dengan Indra. Indra memberitahu plaintif bahawa dia tak kenal defendan tapi pertunangan mereka dicadangkan oleh keluarga. B
C

[8] Pada hari berikutnya, plaintif menelefon bosnya Encik Chia Kay Joo SP2 meminta SP2 datang awal ke pejabat. Pada hari itu plaintif datang ke pejabat lebih awal iaitu jam 8 pagi. Dia ada kunci pejabat. D

[9] Kemudian defendan datang dan mengetuk pintu pejabat. Plaintif tidak buka pintu. Kemudian plaintif menelefon Indra supaya menelefon defendan suruh balik. Sebelum bos plaintif sampai rakan sekerja plaintif Cik Khuzaimah datang. Plaintif buka pintu pejabat. Khuzaimah masuk dan di kesempatan yang sama defendan turut masuk. Defendan menampar muka plaintif dan memanggilnya 'pelacur' di depan Khuzaimah dan beberapa rakan sekerja plaintif yang sedang masuk ke pejabat. Semasa keluar, defendan marah kepada bos plaintif yang tidak ada di situ dan berkata 'ask your lawyer to see me' kepada Cik Khuzaimah. Beberapa minit kemudian Encik Chia Kay Joo dan isteri datang. Encik Chia mengarahkan plaintif membuat report. Plaintif dengan ditemani Cik Khuzaimah membuat report di Balai Polis Teluk Intan No Report 3852/02. Plaintif membuat satu lagi laporan polis No 4004/02 pada 17 Julai 2002. E
F
G

[10] Akibat daripada kejadian itu, plaintif berpindah ke Kelang pada bulan Januari 2003 kerana:

- (1) tak dapat menerima hakikat orang yang dia cinta berkahwin dengan orang lain; H
- (2) defendan menamparnya di pejabat;
- (3) tidak dapat bercampur gaul dengan orang ramai seperti biasa kerana kebanyakan pekerja bank tahu ceritanya dengan defendan; I
- (4) tidak dapat memberi tumpuan kepada kerja di Teluk Intan;
- (5) ibu tahu kes ini dan melarangnya membawa kes ini di mahkamah;
- (6) bapa tak tahu hubungannya dengan defendan;

- A (7) plaintif bawa kes ini atas kapasiti peribadi; dan
(8) plaintif dapat kerja di firma guaman di Kelang dengan gaji yang lebih baik.

B [11] Fakta plaintif ditampar oleh defendan disokong oleh keterangan SP2. Keterangan plaintif pada dasarnya disokong oleh keterangan SP2, majikan plaintif. SP2 sahkan plaintif adalah seorang kakitangan yang cekap dan baik.

KES DEFENDAN

C [12] Defendan memanggil seorang saksi sahaja iaitu SD1 Encik Ponnusamy a/l Rajoo yang lebih dikenali dengan nama Sam.

D [13] Menurut defendan, pada 11 Julai 2002, jam 8.30 pagi dia pergi ke pejabat peguam Chia Kay Joo & Co untuk berjumpa plaintif. Tujuannya untuk berbincang kerana plaintif mengugut tunang defendan di pejabat tunang defendan pada 10 Julai 2002 lebih kurang jam 5.30 petang. Ini diberitahu oleh tunang defendan pada malam itu. Selepas itu, defendan menghubungi plaintif tapi plaintif tidak jawab. Oleh itu defendan pergi ke pejabat plaintif pada jam 8.30 pagi 11 Julai 2002. Plaintif ada di pejabat.
E Plaintif tidak buka pintu kerana pejabatnya di buka jam 9 pagi. Defendan minta plaintif keluar. Plaintif tidak keluar. Jam 8.50 pagi, kawan defendan yang bekerja di situ datang dan plaintif buka pintu. Defendan masuk bersama kawannya itu selepas menunggu 25 minit di luar. Defendan tanya plaintif kenapa dia mengugut tunangnya? Plaintif tidak jawab. Selepas tanya
F tiga kali, plaintif jawab 'if anything you see my lawyer'. Defendan naik marah lalu menampar plaintif. Selepas tampar plaintif, defendan keluar dari pejabat plaintif dan pergi ke balai buat report sebagaimana Teluk Intan Report 3851/02. Menurut defendan, tunangnya memberitahunya bahawa plaintif bersama kawannya mengugutnya bahawa jika dia (tunang) kahwin dengan
G defendan, plaintif akan membuat hal dan tidak membenarkan perkara ini berlaku.

H [14] Defendan mengaku ada melakukan hubungan seks dengan plaintif. Defendan tidak tipu plaintif. Defendan tidak beritahu plaintif yang defendan cintakan plaintif. Plaintif yang menggoda beliau. Defendan beritahu plaintif dari awal lagi bahawa hubungan mereka berdua adalah kawan biasa sahaja.

I [15] Defendan menafikan pengataan-pengataan lain yang diberitahu oleh plaintif dalam keterangannya di mahkamah.

[16] Isu-isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah di akhir kes kedua belah pihak:

- (1) adakah defendan berjanji untuk berkahwin dengan plaintif?;

- (2) Jika jawapan kepada isu 1 adalah positif, adakah defendan memungkirkan janji untuk berkahwin dengan plaintif? A
- (3) Jika jawapan kepada isu 2, juga positif, adakah plaintif mengalami kesusahan, kerugian, hilang maruah dan malu?; dan
- (4) jika jawapan kepada isu 3 juga positif, apakah award yang munasabah yang patut diberikan? B
- [17] Keterangan yang dikemukakan:
- (1) plaintif mengatakan defendan ada berjanji untuk berkahwin dengannya; C
- (2) akibatnya plaintif sanggup menyerahkan tubuhnya kepada defendan;
- (3) plaintif mengatakan defendan memungkirkan janji tersebut; D
- (4) plaintif mengalami kesusahan fizikal dan mental, kerugian, hilang maruah dan malu;
- (5) defendan menafikan pengakuan plaintif;
- (6) keterangan plaintif sedikit sebanyak disokong oleh keterangan SP2 bekas majikan plaintif; E
- (7) keterangan defendan di mahkamah adalah penafian semata-mata tanpa disokong; F
- (8) mahkamah lebih percaya kepada keterangan yang diberikan oleh plaintif berbanding dengan keterangan yang diberikan oleh defendan; dan
- (9) plaintif telah membuktikan tuntutan ke atas defendan atas imbalan kebarangkalian. Maksim *ei qui affirmat non ei quo negat in ambit probatia* (the burden of proof a fact rests on the party who substantially asserts the affirmative of the issue and not upon the party who denies it) terpakai. G
- PENDAPAT MAHKAMAH H
- [18] Defendan berjanji untuk berkahwin dengan plaintif. Plaintif yang mudah terpedaya dengan janji manis defendan itu sanggup menyerahkan tubuhnya kepada defendan demi cintanya kepada defendan. I
- [19] Defendan telah memungkirkan janji untuk berkahwin dengan plaintif. Mahkamah menerimakan pendapat YA Datuk Ajaib Singh dalam kes *Doris Rodrigues v Bela Krishnan* [1982] 2 MLJ 77, di ms 78 yang menyatakan:

A On the other hand I found the defendant shrewd and unscrupulous and he had taken advantages of the position of the plaintiff.

B [20] Dalam kes *Oh Thevesa v Sia Hok Chai* [1992] 1 MLJ 215 memutuskan bahawa:

... the validity of a promise of marriage, made by a defendant to a plaintiff warrants a mature and careful consideration on a serious point of law.

C [21] Plaintiff seorang wanita yang lemah dan mudah percayakan defendan tidak akan menyerahkan tubuhnya jika defendan tidak berjanji akan berkahwin dengannya.

D [22] Tindak tanduk defendan melarikan diri daripada plaintiff selepas plaintiff meminta berkahwin, menunjukkan defendan ada membuat janji untuk berkahwin dengan plaintiff.

E [23] Tindak tanduk defendan itu menunjukkan defendan seorang yang tidak bertanggungjawab.

[24] Plaintiff mengalami kerugian, kesusahan, malu dan hilang maruah diri akibat kemungkiran oleh defendan itu.

F KEPUTUSAN MAHKAMAH

[25] Atas imbangan kebarangkalian, mahkamah memutuskan plaintiff berjaya membuktikan tuntutananya ke atas defendan.

G [26] Sebagai ganti rugi mahkamah mengawardkan seperti berikut:

(i) mungkir janji untuk berkahwin — RM50,000. Ini memandangkan plaintiff masih dara dan belum berkahwin;

H (ii) *exemplary damages* — no award;

(iii) serangan (assault) — RM2,000;

(iv) kehilangan maruah, reputasi, malu dan mental — RM20,000; dan

I (v) kos tindakan seperti yang diperuntukkan oleh Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

[27] Mahkamah berpendapat keputusan dan award yang diberikan adalah wajar dan munasabah berdasarkan kepada keadaan plaintif dan *ekonomi semasa*.

Tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos.

Reported by Zalmanizam Mahadi

A

B

C

D

E

F

G

H

I